

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BERTULIS DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
TAHUN 2020**

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : YB TUAN ABDUL LATIFF BIN ABDUL RAHMAN
[KUALA KRAI]**

SOALAN

TUAN ABDUL LATIFF BIN ABDUL RAHMAN [KUALA KRAI] minta
MENTERI SUMBER MANUSIA menyatakan :-

- (a) apakah tindakan terhadap hotel-hotel yang tidak membenarkan pekerja wanita bertudung serta adakah pihak Kementerian mengeluarkan garis panduan untuk pihak hotel terhadap perkara tersebut ; dan
- (b) senarai hotel yang patuh syariah dan restoran/ hotel yang mendapat sijil halal daripada JAKIM.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Dewan Yang Mulia, undang-undang sedia ada berkaitan pekerjaan digubal untuk menjaga hak dan kebajikan pekerja secara am tanpa menyentuh hal-hal berkaitan keagamaan. Namun, Kementerian Sumber Manusia (KSM) sentiasa mengkaji perkara-perkara baharu yang dibangkitkan oleh masyarakat awam termasuk hal berkaitan hak beragama seperti memakai tudung bagi pekerja wanita Islam. Panduan dari semasa ke semasa dibuat kepada majikan bagi memberi kefahaman yang jelas supaya majikan memahami hak dan tanggungjawab

SOALAN NO : 7

dalam mengamalkan hak beragama yang termaktub oleh Perlembagaan Malaysia.

2. Dalam menangani isu larangan pemakaian tudung di sektor perhotelan dalam negara, KSM telah pun menandatangani Memorandum Persefahaman dengan 3 persatuan hotel iaitu Persatuan Hotel Malaysia (MAH), *Malaysian Association of Hotel Owners* (MAHO) dan Persatuan Hotel Bajet Malaysia (MYBHA). Tindakan ini menunjukkan keseriusan Kerajaan dalam menangani isu larangan bertudung oleh industri perhotelan. Akujanji berkenaan membabitkan lebih 3,000 hotel di seluruh negara yang bernaung di bawah tiga persatuan itu. Menerusi Memorandum Persefahaman itu, pihak hotel berakujanji untuk tidak mengenakan sebarang peraturan yang tidak membenarkan pekerja wanita Islam bertudung. Walaubagaimanapun, pemantauan secara berterusan sentiasa dilakukan bagi memastikan tiada isu berbangkit lagi pada masa hadapan.

3. Selain itu, KSM juga telah mencadangkan membuat pindaan secara holistik terhadap Akta Kerja 1955. Melalui cadangan pindaan ini, mentakrif diskriminasi dalam pekerjaan dan memasukkan larangan diskriminasi terhadap pekerja sebagai salah satu cadangan pindaan. Melalui cadangan pindaan ini, mana-mana majikan yang mengamalkan diskriminasi dalam pekerjaan boleh didakwa atas kesalahan tersebut dan boleh dikenakan denda. Amalan diskriminasi boleh ditegah melalui penguatkuasaan undang-undang terhadap majikan yang gagal mematuhi sebarang arahan yang dikeluarkan. Draf Rang undang-undang pindaan tersebut dalam semakan akhir kementerian sebelum kelulusan Jabatan Peguam Negara dan dijangka akan dibentangkan pada dewan yang mulia ini pada tahun ini.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : TUAN ABDUL LATIFF BIN ABDUL RAHMAN
[KUALA KRAI]**

SOALAN

TUAN ABDUL LATIFF BIN ABDUL RAHMAN [KUALA KRAI] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan statistik kes pesakit yang positif HIV hasil hubungan sejenis dan HIV hasil daripada penzinaan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Virus HIV (atau nama penuhnya *Human Immunodeficiency Virus*) merupakan sejenis virus yang hanya berjangkit melalui darah dan cecair yang dicemari HIV. Oleh itu, seseorang hanya boleh dijangkiti melalui tiga (3) cara iaitu hubungan seksual yang tidak selamat (tanpa kondom), perkongsian jarum suntikan di kalangan penagih dadah dan dari ibu yang dijangkiti HIV ke bayi.
2. Menurut data surveilan HIV kebangsaan tahun 2019, sebanyak **3,564 kes HIV baru** telah dilaporkan, atau pada kadar 10.7 kes bagi setiap 100,000 penduduk. Pada tahun yang sama, sebanyak **2,116 kes (59%) jangkitan HIV dilaporkan menerusi hubungan homoseksual/ biseksual**, manakala **1,228 kes (34%) adalah menerusi hubungan heteroseksual**. Kementerian Kesihatan Malaysia tidak ada data jangkitan berkaitan penzinaan.

Sekian, terima kasih.